

Newspaper	Berita Harian
Date	10/3/2013

20 NASIONAL

© AHAD 10 MAC 2013

BH

Laporan: M Thilinan, Wan Faizal Ismayatim, Amirullah Andi Nur, Veena Rusli, Hassan Omar, Suzianah Jiffar, Amin Ridzuan Ishak, Safeek Affendy Razali, Mohd Izham Unnip Abdullah, Poliana Ronnie Sidom, Willie Jude Junaidi, Nahar Tajri, Faridzwan Abdul Ghafar, Mohamed Farid Noh, Haspaizi Mohd Zain, Azida Shaharuddin, Norliza Wasilan, Nor Fazlina Abdul Rahim, Syed Azwan Syed Ali, Badrul Hizar Ab Jabar, Hazwan Faisal Mohamad, Norrasidah Arshad, A Samad Manaf, Amir Mamat, Omar Osman dan Syalikhah Sazili bhnews@bharian.com.my

Ketepi ideologi politik: PM

BH-10/3/2013

» Isu keselamatan terlalu mahal untuk dipolitikkan

Ayer Keroh

Datuk Seri Najib Razak mahu semua pihak menyetepikan kepentingan ideologi politik masing-masing berhubung insiden serangan pengganas di Lahad Datu.

Perdana Menteri berkata, ini kerana soal keselamatan dan kedaulatan negara terlalu mahal untuk dipolitikkan.

Beliau berkata, semua pihak sepatutnya mentonohi Parti Demokrat dan Republikan di Amerika Syarikat (AS) yang sentiasa bersatu dan tidak mengeksploitkan soal kepentingan keselamatan, walaupun berbeza ideologi politik.

"Beza dalam negara kita, mereka tuduh pasukan keselamatan bersubhat dengan kerajaan pimpinan UMNO lakukan sandiwara. Mereka perlekehkan anggota keselamatan, menidakkan kewibawaan mereka.

Isu tak patut dipolitikkan

"Ini bukanlah isu yang sepatutnya dipolitikkan mana-mana pihak. Isu keselamatan dan kedaulatan tidak boleh dijadikan medan pertempuran



Orang ramai menyambut ketibaan Najib yang diiringi Mohd Ali di Bangunan Graha UMNO, Hang Tuah Mall sempena lawatan kerja sehari ke Melaka, semalam.

[FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH]

politik kerana terlalu mahal kedaulatan dan keselamatan negara itu," katanya ketika merasmikan Menara Persekutuan di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di sini, semalam.

Bangunan yang menempatkan jabatan dan agensi Kerajaan Pusat itu bernilai RM208 juta.

Turut hadir ialah Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ali Hamsa.

Dalam ucapan di hadapan kira-kira 20,000 orang itu, Najib turut meminta rakyat menolak pihak yang terus mempolitikkan dan menuduh serangan pengganas di Lahad

Datu dan Semporna sebagai sandiwara kerajaan.

"Cuba kita fikirkan sejenak, boleh tak kita cari pelakon yang sanggup mati dalam lakonan. Ada tak orang yang nak berlakon dalam adegan yang bawa mati. Kita tak pernah arah mereka (anggota keselamatan) sandiwara, tapi kita arah mereka pertahankan keselamatan dan kedaulatan negara," katanya.

Berbual dengan penarik beca

Najib turut berkongsi cerita dengan hadirin mengenai perbualannya dengan penarik beca bernama Mohd Salleh, yang membawanya ke satu majlis di Jalan Tun Ali di pusat bandar raya sebelum itu.

Kata Perdana Menteri, beliau terharu apabila penarik beca itu memberitahu, beliau hanya mahu sebuah negara aman, maju dan paling penting masa depan terjamin untuk anak cucunya.

"Ertinya penarik beca juga fikirkan, kita perlu pilih kerajaan yang menjaga masa depan hari ini dan esok," katanya sambil optimis Malaysia mungkin mencapai status maju lebih awal dari 2020 jika mencatat pertumbuhan ekonomi lima hingga enam peratus setahun.

Perdana Menteri yang dalam lawatan sehari ke negeri ini, menegaskan semua perancangan dan dasar transformasi sukar dilakukan sekiranya negara tidak aman.